

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Perisian anti- Malware

**B**OLEH tuan nyatakan perisian anti-Malware percuma yang terbaik.

- MUHAMMAD, Perlis.

**T**ERIMA kasih. Ia sesuatu yang agak sukar untuk menyatakan perisian anti-Malware yang terbaik kerana setiap perisian anti-Malware itu ada kelebihan dan kekurangan tersendiri. Apa yang penting adalah pastikan sesebuah sistem komputer itu mempunyai sistem perlindungan keselamatan seperti perisian anti-Malware ini.

Seterusnya disenaraikan beberapa perisian anti-Malware percuma yang stabil dan boleh digunakan untuk sistem perlindungan keselamatan sesebuah komputer.

**1 Ad-Aware** - Ia dibangunkan oleh syarikat Lavasoft untuk mengesan dan membuang Malware, Spyware dan Adware.

**2 Malwarebytes Anti-Malware** - Perisian ini dibangunkan oleh Malwarebytes Corporation untuk mengesan dan membuang Malware.

**3 Spybot Search & Destroy** - Perisian ini dibangunkan untuk mengesan dan membuang Spyware dan Malware. Terdapat juga sistem perlindungan untuk keselamatan pelayar web.

**4 Emsisoft Emergency kit** - Terdapat beberapa koleksi program perlindungan keselamatan di dalamnya untuk mengesan dan membuang Malware tanpa perlu untuk memasangnya pada sistem komputer.

**5 Microsoft Security Scanner** - Boleh dimuat turun secara percuma daripada laman web Microsoft. Perisian ini menyediakan fungsi secara atas permintaan untuk mengesan dan membuang Malware. Ia boleh dilarikan bersama-sama dengan program anti-virus atau perisian anti-Malware yang lain.

**6 Norman Malware Cleaner** - Merupakan perisian untuk mengesan dan membuang Malware yang bersifat ringkas dan mesra pengguna.

**7 SUPERAnti Spyware** - Perisian ini bersifat Shareware untuk membuang pelbagai jenis Malware seperti Spyware, Adware, Trojan Horse, Worm dan pelbagai lagi.

**8 Combofix** - Perisian anti-Malware ini memerlukan kemahiran komputer yang tinggi untuk mengendalikannya. Biasanya ia dilarikan apabila perisian anti-Malware sedia ada tidak dapat mengesan Malware atau tidak dapat berfungsi.